



TEKS UCAPAN TETAMU KEHORMAT

**Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji
Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan**

TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL UGAMA

**MAJLIS PELANCARAN
KURSUS TARANNUM AL-QURAN
PERINGKAT PRA LANJUTAN**

Pada;
Jumaat, 04hb Ogos 2023 bersamaan 17 Muharram 1445H
Di Dewan Multaqa, Bangunan Baru
Kementerian Hal Ehwal Ugama

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين، والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.

Yang Mulia,

Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit

Pengarah Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran, MABIMS,

Kementerian Hal Ehwal Ugama, dan

Dan

Yang Mulia,

Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil

Pemangku Pengarah Jabatan Pengajian Islam,

Kementerian Hal Ehwal Ugama

Selaku Pengerusi bersama Kursus Tarannum Al-Quran bagi peringkat Pra-Lanjutan.

Yang Mulia,

Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Mulia,

Pengarah-Pengarah, Penolong-Penolong Pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, Para Fasilitator, Para Peserta Kursus serta hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

1. Marilah kita merafa'kan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah *Subhanahu Wata'ala* atas rahmat dan izinNYa juga, kita dapat sama-sama hadir pada pagi yang mulia ini dalam **MAJLIS PELANCARAN KURSUS TARANNUM AL-QURAN PERINGKAT PRA LANJUTAN bagi tahun 1445 hijrah / 2023 masihi.**
2. Peramba/saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pengurus bersama dan kesemua Jawatankuasa Kerja **Kursus Tarannum Al-Quran** yang terdiri daripada warga Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang berjaya mengungkayahkan Kursus Tarannum Al-Quran Peringkat Pra Lanjutan ini yang mana ia dikhususkan kepada pelajar-pelajar atau peserta – peserta lepasan Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR).
3. Sebagaimana yang dimaklumi bersama, pelajar-pelajar lepasan STAR (Skim Tilawah Al-Quran Remaja) adalah dari kalangan belia remaja yang telah dilatih dan dibimbing dalam pembacaan Al-Quran dengan bacaan yang betul melalui lagu-lagu tilawah yang masyhur ketika mereka berumur antara 12 hingga 18 tahun. Alhamdulillah, STAR yang di bawah kawalan Jabatan Pengajian Islam itu, sejak ia ditubuhkan 26 tahun lalu (31 Ogos 1997) telah berjaya melahirkan qari dan qariah yang membaca dengan baik, malah ada yang telah mengikuti persembahan dan pertandingan membaca al-Quran di peringkat kebangsaan dan Antarabangsa.

Hadirin-hadirat yang peramba/saya hormati sekalian,

4. Peramba/saya difahamkan, Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran sebelum ini, ada mengungkayahkan Kursus Tarannum al-Quran pada tahun 2017, 2018 dan 2019 dengan mendatangkan fasilitator dari luar negara dan dalam negara.

5. Bagaimanapun sebagai langkah Pusat ini lebih serius lagi ke hadapan, kini Kursus Tarannum Al-Quran **Peringkat Pra-Lanjutan** (Intermediate Course) diperkenalkan. Iaitu sebagai usaha kesinambungan pembelajaran daripada lepasan pengajian Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR).
6. Malah, insiatif ini akan diteruskan dengan membukakan **Kursus Peringkat Lanjutan** (Advance Course) yang mana pengisian program atau modul-modul kursusnya adalah lebih intensif termasuk akan mendatangkan qari dan qariah tersohor dan pakar dalam bidang tarannum al-Quran peringkat antarabangsa. Dalam Kursus Lanjutan itu nanti, dijangka akan turut mengintai keperluan mendatangkan guru vokal /vocal instructor yang berkemahiran dan berpengalaman melatih figura dalam bidang seni suara.
7. Saya menyambut baik usaha Pusat Pengajian Dan Penyebaran Al-Quran MABIMS ini. Ia adalah merupakan satu plan atau program transisi dalam usaha melahirkan qari dan qariah negara yang berprestij dan mempunyai kepakaran dalam bidang ilmu Tarannum.
8. Dengan meletakkan objektifnya untuk melahirkan lebih ramai Qari dan Qariah dari kalangan belia untuk lebih mendekatkan diri mencintai al-Quran serta mendalami disiplin ilmu Tarannum al-Quran secara bertalaqqi dan bermusyafahah dengan Guru yang berkemahiran, maka saya penuh berkeyakinan, dengan keberkatan Al-Quran juga, maka pengungkayahan mengadakan Kursus Tarannum Pra-Lanjutan yang dilancarkan pada pagi ini dan seterusnya Kursus Tarannum Lanjutan yang akan menyusul nanti, Insya Allah akan mendapat kejayaan dan kecemerlangan.
9. Inilah kesinambungan usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan-Jabatan berkenaan untuk melahirkan lebih ramai bakat-bakat baru dari kalangan belia yang dapat menguasai lagu-lagu dalam seni suara tarannum al-Quran

dengan lebih berkeyakinan, selain tidak lari dengan kaedah tajwid dalam bacaan, yang akan dapat memberikan persembahan bacaan dengan sempurna dan profesional sehingga dapat diketengahkan samada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

10. Justeru, peramba/saya berpesan kepada para peserta kursus agar merebut peluang ini dengan sebaiknya. Semoga pendedahan dan perkongsian ini akan mampu membangkitkan minat biskita untuk terus mencintai dan mempelajari al-Quran dan mengetahui betapa pentingnya pengajian tarannum al-Quran. Setentunya dengan menguasai ilmu Tarannum nescaya ia telah dapat merangkumi aspek pembacaan al-Quran seperti makhraj-makhraj, sifat-sifat huruf, hukum-hukum tajwid, fasahah dan waqaf ibtida'. Semoga abiskita akan terus bersikap pro-aktif untuk mendalami pengajian tarannum Al-Quran sehingga akan menjadi pelapis generasi akan datang malah menjadi tokoh dan pakar dalam bidang tarannum Insya Allah.
11. Sekali lagi diucapkan tahniah kepada pihak penganjur yang telah berusaha mengungkayahkan Kursus seumpama ini. Semoga segala usaha memartabatkan ilmu tarannum Al-Quran ini mendapat balasan dan ganjaran dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala juga.
12. Dikesempatan ini, suka saya menyeru agar Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS ini akan terus mengorak langkah menjadi peneraju dalam memartabatkan ilmu Al-Quran di negara ini dengan menyediakan pelbagai inisiatif dan menyusun modul-modul dalam pelbagai disiplin ilmu al-Quran untuk faedah kepada semua pihak sehingga kita dapat menyumbang kepakaran di arena antarabangsa.
13. Dan khusus mengenai Kursus Tarannum ini, kita penuh berharap ia akan dapat memacu dalam membawa perubahan dalam perkembangan pembacaan al-

Quran dan menyemarakkan lagi perkembangan imu al-Quran itu sendiri. Malah pada masa yang sesuai, perlu mengambil inisiatif menyebarluaskan Ilmu Tarannum Al-Quran kepada kumpulan sasar yang lain melalui modul-modul tertentu untuk pembelajaran berkesan. Ini juga termasuk menerbitkan penulisan yang membincangkan mengenai ilmu Tarannum al-Quran dan tokoh-tokoh qarinya bagi menarik kecenderungan masyarakat kepada cintakan al-Quran dengan lebih berkesan.

14. Akhirnya, dengan lafaz:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Peramba/saya dengan sukacitanya merasmikan

Kursus Tarannum al-Quran Peringkat Pra Lanjutan bagi tahun 2023

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهِدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ